

DOKUMEN STRATEGI BELANJAWAN 2022 PAKATAN HARAPAN

ISI KANDUNGAN

A. PENDAHULUAN

1. “Pemugaran dan Memperkuat Semula”..... 2
2. Belanjawan 2022 – Persediaan menghadapi endemik COVID-19..... 2
3. Peristiwa-Peristiwa Penting 3

B. CABARAN DAN PENDEKATAN

1. Tinjauan Ekonomi 2020 5
2. Imbangan fiskal 5

C. CADANGAN-CADANGAN PERBELANJAAN

1. Memartabatkan institusi Parlimen sebagai platform dwipartisan tulen yang berkesan 6
2. Suntikan Dana RM45 bilion untuk Dana COVID-19 9
3. Menyokong pemulihan golongan rentan 11
4. Mencipta peluang pekerjaan yang lebih baik 12
5. Mempertingkatkan jaringan keselamatan sosial 17
6. Mengukuhkan perkhidmatan sosial..... 18
7. Memastikan taraf hidup dan mobiliti yang baik 20
8. Melindungi wanita dan kanak-kanak 22
9. Langkah-langkah khusus untuk Sabah dan Sarawak 23
10. Reindustrialisation – menggalakkan pelaburan bernilai tinggi 24
11. Reformasi Fiskal 24
12. Geran-geran khas 27

D. MEMPERKUKUKAN PROSES PERANGKAAAN DAN PELAPORAN BELANJAWAN

1. Kebertanggungjawapan dan ketelusan belanjawan..... 28
2. Membina pelan pemulihan responsif gender 29
3. Indeks Kemiskinan Multidimensi (MPI) 30
4. Laporan Kelestarian, Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) 30

A. PENDAHULUAN

“Pemugaran dan Memperkuat Semula”

Belanjawan 2022 adalah detik penting bagi Malaysia. Pembentangan belanjawan tersebut pada Oktober 2021 diadakan pada saat negara mula beralih daripada fasa pandemik COVID-19 kepada fasa endemik. Dengan keadaan ekonomi yang dijangka akan pulih lebih pesat pada tahun 2022, belanjawan kali ini harus bersifat menyokong pengembangan ekonomi bukan sahaja untuk merancakkan kembali ekonomi, namun untuk turut membantu isirumah dan perniagaan yang terjejas kehidupan akibat virus COVID-19 dan beberapa siri Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sepanjang tahun 2020 dan 2021.

Rancangan Malaysia ke-12 (RMK-12) menggariskan bahawa Malaysia perlu mengambil pendekatan *whole-of-nation* dalam membentuk polisi untuk membaik pulih dan membina semula negara pasca COVID-19. Memorandum Persefahaman (MoU) berkenaan Transformasi dan Kestabilan Politik yang ditandatangani antara Kerajaan Persekutuan dan Pakatan Harapan pada 13 September lalu boleh menjadi batu asas kepada pembentukan pendekatan sebegitu.

MoU tersebut mencipta sejarah dengan merintis jalan untuk merapatkan jurang perbezaan politik antara pihak Kerajaan dan Pembangkang demi mendahulukan kepentingan rakyat dan negara. MoU tersebut tercetus apabila seminggu selepas pelantikan beliau sebagai Perdana Menteri, Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob mengundang pimpinan Pakatan Harapan untuk duduk berbincang mencari titik pertemuan dalam menguruskan krisis pandemik COVID-19 dan krisis ekonomi yang sedang menghimpit rakyat.

Selari dengan titah Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah yang mahukan kerjasama dwipartisan, Pakatan Harapan memutuskan untuk membuka pintu perbincangan yang akhirnya menyaksikan memorandum persefahaman tersebut dimeterai antara kedua belah pihak.

Atas semangat kerjasama dwipartisan tersebut juga, Pakatan Harapan membentangkan cadangan Belanjawan 2022 dengan fokus untuk menjadikan Belanjawan tersebut berorientasikan usaha-usaha reformasi, inklusif dan responsif terhadap keperluan rakyat.

Belanjawan 2022 – Persediaan menghadapi endemik COVID-19

Dokumen strategi Belanjawan Pakatan Harapan 2022 ini akan menjadi rujukan utama dalam sesi-sesi perbincangan dengan pihak Kerajaan mengenai cadangan-cadangan pindaan dan tambahan kepada Belanjawan Persekutuan 2022 sebelum pembentangan kepada Dewan Rakyat seperti yang diperuntukkan dalam Memorandum Persefahaman (MoU) berkenaan Transformasi dan Kestabilan Politik.

Kertas cadangan ini dibahagikan kepada tiga bahagian utama:

- (i) **Tinjauan ekonomi dan imbalan fiskal bagi tahun 2022**
- (ii) **Cadangan perbelanjaan**
- (iii) **Cadangan pengukuhan tatacara dan proses pelaporan belanjawan**

Bahagian 1 mencorakkan latar perbincangan dengan menekankan peri pentingnya untuk kerajaan kekal komited dengan polisi pengembangan fiskal menuju ke tahun hadapan. Bahagian 2 pula menerangkan cadangan-cadangan Pakatan Harapan termasuk peruntukan reformasi Parlimen, peruntukan dana COVID-19 sebanyak RM45 bilion dan perbelanjaan tambahan untuk merangsang usaha-usaha pemugaran dan pembinaan semula ekonomi yang lebih baik. Manakala, Bahagian 3 menggariskan cadangan dan syor Pakatan Harapan untuk meningkatkan ketelusan dan amalan urus tadbir yang baik dalam tatacara dan pelaporan belanjawan.

Kami menjangkakan proses libat urus dan rundingan belanjawan ini akan diteruskan walaupun setelah sesi pembentangan oleh Menteri Kewangan pada 29 Oktober 2021.

Peristiwa-Peristiwa Penting

- 25 Ogos** Perdana Menteri Y.A.B. Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob dan pimpinan Pakatan Harapan Y.B. Datuk Seri Anwar Ibrahim, Y.B. Tuan Haji Mohamad Sabu and Y.B. Lim Guan Eng bertemu dan bersetuju untuk mencari titik temu demi menyelamatkan kehidupan rakyat dan ekonomi negara selain untuk memperkasakan institusi Parlimen, menjamin kebebasan institusi kehakiman, dan meneruskan usaha reformasi institusi selari dengan titah Yang di-Pertuan Agong untuk kerjasama dwipartisan dalam menyelesaikan kemelut krisis COVID-19 dan krisis ekonomi.
- 31 Ogos** Kementerian Kewangan mengeluarkan Kenyataan Pra-Belanjawan yang menerangkan halatuju awal dan keutamaan dalam merangka Belanjawan 2022 selain menegaskan kerelaan Kerajaan untuk berkerjasama dengan parti-parti pembangkang.
- 13 September** Kerajaan Persekutuan dan Pakatan Harapan menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) berkenaan Transformasi dan Kestabilan Politik.
- 21 September** Mesyuarat Pertama Jawatankuasa Pemandu Belanjawan 2022 Pakatan Harapan – Kementerian Kewangan yang dipengerusikan Menteri Kewangan, YB Senator Tengku Datuk Seri Utama Zafrul bin Tengku Abdul Aziz.
- 27 September** Mesyuarat Pertama Jawatankuasa Kerja Belanjawan 2022 Pakatan Harapan – Kementerian Kewangan.
- 4 Oktober** Sesi libat urus Jawatankuasa Kerja Belanjawan 2022 Pakatan Harapan bersama Dato' Dr. Mohammed Azman, Ketua Pegawai Eksekutif Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) dan pengurusan tertinggi yang lain.
- 6 Oktober** Sesi libat urus Jawatankuasa Kerja Belanjawan 2022 Pakatan Harapan bersama Kementerian Kewangan dalam merangka belanjawan yang bersifat inklusif dan responsif terhadap jantina.
- Sesi libat urus Pakatan Harapan bersama Ketua-Ketua Pegawai Eksekutif daripada industri perbankan untuk berkongsi pandangan mengenai krisis ekonomi dan berbincang mengenai pelaksanaan pelepasan faedah ke atas penangguhan bayaran balik pinjaman untuk golongan yang memerlukan.

- 7 Oktober** Sesi libat urus Jawatankuasa Kerja Belanjawan 2022 Pakatan Harapan bersama Datuk Seri Amir Hamzah Azizan, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan pengurusan tertinggi yang lain.
- 11 Oktober** RUU Langkah-Langkah Sementara bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)) (Pindaan) diluluskan untuk meningkatkan peruntukan di bawah dana Kumpulan Wang Covid-19 (KWC) sebanyak RM45 billion daripada RM65 billion kepada RM110 billion.
- 13 Oktober** Hasil daripada beberapa siri libat urus bersama Pakatan Harapan, Perdana Menteri Ismail Sabri mengumumkan pelaksanaan pelepasan faedah ke atas penangguhan bayaran balik pinjaman untuk golongan B50 yang dikenali sebagai Program Pengurusan dan Ketahanan Kewangan (URUS) sebagaimana dinyatakan di bawah Artikel 1.7 dalam Memorandum Persefahaman (MoU) berkenaan Transformasi dan Kestabilan Politik.
- 19 Oktober** Sesi libat urus Pemuda Pakatan Harapan bersama Y.B. Mohd Shahr bin Abdullah, Timbalan Menteri Kewangan 1.
- 26 Oktober** Mesyuarat Ketiga PH-Kementerian Kewangan Bajet 2022 JK Pemandu
- 27 Oktober** Pelancaran Dokumen Strategi Belanjawan 2022 Pakatan Harapan.

MEMORANDUM PERSEFAHAMAN

Transformasi & Kestabilan Politik
Kerajaan Persekutuan & Pakatan Harapan



HARAPAN

Transformasi Pentadbiran	Pemeriksaan Pelan COVID-19	Pembaharuan Parlimen (Parliamentary Reform)
<ul style="list-style-type: none"> * RUU Anti-Lompat Parti atau undang-undang berkenaan * Mempercepatkan Undi18 dan pendaftaran automatik * Had jawatan Perdana Menteri kepada tidak lebih 10 tahun <p>Garis masa: Mesti dilaksana dalam tempoh tidak lewat daripada Mesyuarat Parlimen pertama pada 2022</p> 	<ul style="list-style-type: none"> * Majlis Pemulihan Negara terdiri daripada 50% pakar, 25% Ahli Parlimen PH, 25% Ahli Parlimen Kerajaan * Penambahan RM45 Bilion had dana Covid-19 menjadikan nilai keseluruhan RM110 Bilion * Mempertingkatkan pelaksanaan "Find, test, trace, isolate, support and vaccinate" (FTTIS +V) * RM10 bilion kepada 11 juta rakyat untuk miskin tegar, miskin bandar, dan yang hilang pendapatan * Pengecualian bayaran faedah moratorium pinjaman bank untuk rakyat B50 * Insentif pengambilan pekerja dan bantuan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) melalui dana tambahan Kumpulan Wang COVID-19 * Segerakan pembelian tambahan sejumlah 6 juta dos vaksin <p>Garis masa: Mesti dilaksana sebelum hujung tahun 2021</p> 	<ul style="list-style-type: none"> * Bentang dan lulus RUU Perkhidmatan Parlimen untuk pastikan Parlimen menjadi institusi bebas * Memperkuh jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen * Peruntukan sama rata Ahli Parlimen Kerajaan dan Pembangkang * Keanggotaan Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen lebih seimbang ikut Perkara 82(1) Peraturan Mesyuarat * Pindaan Peraturan Mesyuarat (Standing Order) bagi memastikan prosiding Dewan Rakyat dan Dewan Negara berjalan lebih teratur dan berkesan * Memastikan pejabat Ketua Pembangkang diberi hak dan kemudahan yang sewajarnya <p>Garis masa: Mesti dilaksana serta merta</p> 
<p>Kebebasan Institusi Kehakiman</p> <ul style="list-style-type: none"> * Memastikan badan kehakiman sentiasa bebas dari sebarang campur tangan mana-mana pihak <p>Garis masa: Mesti dilaksana sepanjang masa</p> 	<p>Perjanjian Malaysia MA63</p> <ul style="list-style-type: none"> * Memperkuh usaha ke arah pelaksanaan perkara-perkara yang termaktub dalam Perjanjian Malaysia 1963 	<p>Satu Jawatankuasa Pemandu diwakili Kerajaan dan Pakatan Harapan akan memantau pelaksanaan perkara-perkara yang dipersetujui di dalam Memorandum Persefahaman ini.</p>



Koleksi penuh gambar-gambar boleh didapati di pautan berikut:

<https://bit.ly/Budget2022Engagements>

B. CABARAN DAN PENDEKATAN

1. Tinjauan Ekonomi 2020

Ekonomi Malaysia dijangka tumbuh lebih rancak pada tahun 2022 rentetan peningkatan kadar vaksinasi dan pembukaan semula ekonomi di seluruh negara.

Walaupun bagaimanapun, kerajaan harus kekal berwaspada berdepan pelbagai risiko (terutamanya kemungkinan penularan semula wabak COVID-19). Sebagai langkah persediaan, kerajaan disarankan untuk mengambil pendekatan berhati-hati dan terus menyokong ekonomi melalui perbelanjaan kerajaan sehingga ekonomi benar-benar berada di paras pemulihan.

2. Imbangan fiskal

Walaupun kerajaan akan tertarik untuk cuba menutup defisit fiskal kesan daripada pandemik COVID-19 ini secepat mungkin melalui langkah-langkah meningkatkan hasil percukaian, kerajaan harus sedar bahawa pertumbuhan KDNK juga terkait rapat dengan jumlah perbelanjaan kerajaan. Peningkatan perbelanjaan kerajaan akan mendorong aktiviti ekonomi berkembang lebih pesat yang akhirnya akan meningkatkan hasil kerajaan, tanpa memerlukan apa-apa pindaan kepada polisi percukaian negara.

Usaha-usaha mengurangkan defisit fiskal secara pra-matang hanya akan merencatkan momentum pemulihan ekonomi. Usaha-usaha tersebut seharusnya ditangguhkan sehingga ekonomi kembali pulih, yang dijangkakan sekitar tahun 2023. Untuk tahun 2022, kerajaan perlu mengutamakan pertumbuhan ekonomi berbanding imbangan fiskal sektor awam. Apa-apa perolehan tambahan daripada peningkatan hasil kerajaan dan dana pinjaman perlu digunakan sepenuhnya untuk mendukung pemulihan ekonomi.

C. CADANGAN-CADANGAN PERBELANJAAN

1. Memartabatkan institusi Parlimen sebagai platform dwipartisan tulen yang berkesan

Pembuat-pembuat dasar tanpa mengira parti politik seharusnya berganding bahu untuk memacu usaha-usaha pemulihan dan pembinaan semula ekonomi. Institusi Parlimen perlu menjadi jambatan yang menghubungkan kedua-dua pihak pembangkang dan kerajaan dalam era tadbir urus secara dwipartisan ini.

Di Malaysia, institusi Parlimen telah lama dilihat sebagai bersikap menyerah dan menurut perintah Eksekutif walaupun kedua-dua institusi tersebut adalah cabang yang berbeza dalam sistem pentadbiran kerajaan. Kebebasan institusi Parlimen yang terhakis tersebut menghilangkan keberkesanan peranan semak dan imbang ke atas tindakan-tindakan dan kuasa eksekutif.

Selain itu, kegagalan cabang eksekutif dalam memupuk komunikasi dan kerjasama yang berkesan menyebabkan mereka gagal memanfaatkan input dan pandangan bernas daripada ahli-ahli Parlimen daripada parti kerajaan dan pembangkang dalam menentukan polisi-polisi awam.

Memperkasakan Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen (JPKP) dalam membentuk hubungan professional yang lebih erat di antara ahli-ahli Parlimen yang terlibat sambil membuka ruang yang lebih besar untuk mereka menyumbang dalam proses merangka polisi awam. JPKP yang dianggotai ahli-ahli Parlimen penyokong kerajaan dan pembangkang mesti diangkat untuk terlibat secara aktif dalam merangka polisi dengan membenarkan mereka meneliti dan mengkaji polisi-polisi, rang undang-undang, dan belanjawan sebelum dibentangkan ke sidang dewan.

JPKP boleh menjadi platform dwipartisan untuk memudahkan perangkaan undang-undang secara rundingan di antara para menteri, pengerusi-pengerusi jawatankuasa, dan ahli-ahli Parlimen. Setiap perenggan dalam rang undang-undang yang akan dibentangkan haruslah digubal hanya setelah dibincangkan secara lumat di kalangan ahli-ahli JPKP sebelum diundi dan diluluskan.

JPKP ini juga mesti diberikan kuasa untuk mengadakan sesi-sesi sidang dengar bersama mana-mana pihak berkepentingan dan masyarakat awam sebelum apa-apa rang undang-undang boleh dibentangkan untuk perbahasan di Dewan Rakyat. Amalan ini telah lama dilaksanakan di negara-negara seperti United Kingdom, Kanada dan Australia.

Peranan JPKP juga boleh digunapakai dalam keadaan-keadaan krisis dan luarbiasa seperti krisis pandemik yang sedang berlaku. Parlimen New Zealand telah menubuhkan JPKP untuk Tindakbalas Epidemik. JPKP tersebut terdiri daripada 10 orang ahli-ahli Parlimen daripada pelbagai parti dan ditugaskan untuk memantau tindakan-tindakan kerajaan dalam pengurusan krisis COVID-19.

Usaha memperkasakan JPKP ini harus dimulakan dengan memastikan semua kementerian dipantau oleh sebuah JPKP khusus. Ketika ini, hanya **10 JPKP ditubuhkan untuk memantau 20 portfolio kementerian, manakala 9 portfolio kementerian lagi tidak dipantau oleh mana-mana JPKP**. JPKP tambahan harus diwujudkan untuk mengawasi sebahagian daripada 9 kementerian ini sementara bakinya boleh dimasukkan di bawah JPKP sedia ada.

Jadual di bawah menunjukkan senarai JPKP sedia ada dan portfolio-portfolio Kementerian yang dipantau mereka.

No	Jawatankuasa Pilihan Khas	Kementerian
1	Keselamatan	<ul style="list-style-type: none"> ● Kementerian Pertahanan ● Kementerian Dalam Negeri
2	Kewangan dan Ekonomi	<ul style="list-style-type: none"> ● Kementerian Kewangan ● Unit Perancang Ekonomi - JPM ● Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri
3	Pendidikan	<ul style="list-style-type: none"> ● Kementerian Pendidikan ● Kementerian Pengajian Tinggi
4	Pertanian dan Perdagangan Dalam Negeri	<ul style="list-style-type: none"> ● Kementerian Pertanian dan Industri Makanan ● Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal-Ehwal Pengguna ● Kementerian Perladangan Industri dan Komoditi
5	Infrastruktur dan Pembangunan	<ul style="list-style-type: none"> ● Kementerian Kerja Raya ● Kementerian Pengangkutan ● Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan ● Kementerian Pembangunan Luar Bandar
6	Kesihatan, Sains dan Inovasi	<ul style="list-style-type: none"> ● Kementerian Kesihatan ● Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi
7	Hal Ehwal Wanita dan Kanak-Kanak dan Pembangunan Sosial	<ul style="list-style-type: none"> ● Kementerian Wanita, Keluarga dan Pembangunan Masyarakat ● Kementerian Pembangunan Luar Bandar
8	Agensi-Agensi di bawah Jabatan Perdana Menteri	<ul style="list-style-type: none"> ● JPM – Hal Ehwal Parlimen dan Undang-Undang ● JPM – Sabah dan Sarawak ● JPM – Tugas-Tugas Khas ● JPM – Hal Ehwal Agama
9	Hubungan Antarabangsa	<ul style="list-style-type: none"> ● Kementerian Luar Negeri
10	Kebebasan Asasi dan Hak-Hak Berpelembagaan	<i>Tiada kementerian khusus. JPKP akan meneliti, menyasiat dan melaporkan hal-hal yang dirujuk kepada mereka oleh Dewan berkenaan kebebasan asasi dan hak-hak yang dijamin Perlembagaan Persekutuan.</i>

*JPM: Jabatan Perdana Menteri

Portfolio tanpa pengawasan JPKP

1. *Kementerian Alam Sekitar dan Air*
2. *Kementerian Sumber Manusia*
3. *Kementerian Komunikasi dan Multimedia*
4. *Kementerian Wilayah Persekutuan*
5. *Kementerian Belia dan Sukan*
6. *Kementerian Tenaga dan Sumber Asli*
7. *Kementerian Perpaduan Negara*
8. *Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi*
9. *Kementerian Pelancongan, Seni dan Kebudayaan*

Sebagai tanda komitmen awal terhadap usaha Transformasi di bawah Artikel 3 (Reformasi Parlimen) dalam MoU tersebut, Pakatan Harapan menyeru agar **peruntukan diberikan kepada langkah-langkah berikut untuk mengangkat institusi Parlimen sebagai platform demokrasi berpaksikan perundangan yang berkesan dan memugarkan peranannya sebagai sebuah institusi semak imbang ke atas cabang eksekutif.**

- a) Menyediakan peruntukan dan keperluan lain untuk menjadikan JPKP sekurang-kurangnya setara dengan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC).
- b) Setiap JPKP perlu diberikan peruntukan kewangan secukupnya untuk menampung perbelanjaan operasi jawatankuasa tersebut termasuk perbelanjaan untuk berurusan dengan mana-mana tenaga pakar dan penasihat yang diperlukan.
- c) Setiap JPKP hendaklah diuruskan oleh sekretariat khusus dengan jumlah kakitangan yang mencukupi. Ketika ini, PAC diuruskan oleh sekretariat khusus manakala JPKP-JPKP lain diuruskan oleh satu sekretariat induk.
- d) Setiap JPKP hendaklah dilengkapi dengan sekurang-kurangnya 2 orang pegawai penyelidik khusus dengan kemahiran dan latar-belakang pendidikan yang bersesuaian.
- e) Memastikan setiap JPKP dibekalkan peralatan dan kelengkapan yang diperlukan untuk mengadakan siaran langsung beserta infrastruktur yang mencukupi untuk memudahkan penganjuran prosiding secara fizikal dan atas talian.

2. Suntikan Dana RM45 billion untuk Dana COVID-19

Seperti yang ditekankan sebelum ini dalam kenyataan-kenyataan Pakatan Harapan, kerajaan harus memberikan keutamaan untuk mengambil langkah polisi fiskal yang berani untuk membiayai inisiatif-inisiatif pemeraksanaan **perkhidmatan kesihatan** dan inisiatif-inisiatif **membantu isi rumah serta perniagaan**. Kami menyeru suntikan dana segera berjumlah RM45 bilion seperti yang dimeterai dalam Memorandum Persefahaman Transformasi dan Kestabilan Politik antara Kerajaan Persekutuan dan Pakatan Harapan.

a) **Peruntukan berjumlah minimum RM4 billion untuk Kementerian Kesihatan** untuk tujuan:

- i) **Menaiktaraf kapasiti dan keupayaan hospital termasuk kakitangan dan alat kelengkapan perubatan** untuk menampung beban ke atas system kesihatan akibat COVID-19. Sebagai persediaan menghadapi gelombang pandemik yang lebih serius, pembiayaan tambahan harus diperuntukkan untuk meringankan beban perkhidmatan kesihatan awam dengan **memindahkan pesakit ke hospital swasta** dengan SOP yang jelas..
- ii) Meningkatkan **bilangan kakitangan perkhidmatan kesihatan awam** termasuklah menangani **isu pekerja kesihatan kontrak**.
- iii) Menyegerakan pengendalian infrastruktur **FTTIS (Kesan, Saring, Asing dan Bantu)** dan merangka satu **Pelan Saringan Kebangsaan yang komprehensif**. Langkah-langkah yang akan diambil termasuk:
 1. Pemberian **subsidi kit ujian saringan** untuk mewujudkan budaya saringan di tempat jangkitan. Sebagai contoh, subsidi boleh diberikan mengikut kuota pekerja yang mencarum di bawah PERKESO. Saringan penjawat awam termasuk guru perlu dilakukan secara berkala. Harga kit ujian saringan perlulah berpatutan untuk golongan B40. Kerajaan perlu menyasarkan penurunan kadar saringan positif mengikut saranan WHO iaitu sebanyak 5%.
 2. Memperuntukkan dana untuk **menaiktaraf sistem pengesanan kontak**, mekanisme pemberitahuan dan khidmat pelanggan MySejahtera yang lebih baik dan boleh dipercayai.
 3. Menaiktaraf sistem **Pengecaman Lokasi Tumpuan untuk Pengurusan Dinamik (HIDE)** sebagai sistem amaran awal untuk mengesan kawasan yang berpotensi menjadi titik panas dengan lebih efektif.
 4. Memperuntukkan **suntikan penggalak** khusus untuk populasi dewasa sebagai persiapan kemungkinan pengurangan keberkesanan vaksin selepas 6 bulan.
 5. Memperkasa **proses kuarantin**.

b) **RM30 billion Geran Pembiayaan & Subsidi untuk Sektor Ekonomi**

- i) **Pelaburan berjumlah RM15 billion** dalam bentuk **geran dan pembiayaan mudah** disertakan bersama insentif cukai untuk mewujudkan ruang kerja kalis pandemik termasuklah di kilang dan kuarters pekerja.

- ii) **Jaminan pinjaman geran dan lanjutan kredit untuk peniaga mikro, kecil dan sederhana**, terutamanya industri makanan dan minuman, peruncitan, pelancongan dan perniagaan kecil-kecilan tempatan untuk membiayai aliran modal kerja dan komitmen lain seperti sewa premis.
- iii) Kerajaan perlu bersedia untuk menghadapi **gelombang peminjam ingkar dan muflis** dalam sektor bukan kewangan terutamanya dalam kalangan SME yang berhadapan dengan risiko kecairan modal dan solvensi untuk bulan-bulan mendatang. Kerajaan perlu menimbang keperluan untuk mewujudkan agensi khusus seperti Danaharta untuk membeli **pinjaman tidak berbayar (NPL) daripada sektor perbankan** dan membantu peniaga **menstruktur semula pinjaman** mereka.

c) RM6 billion untuk insentif pengambilan pekerja (program Malaysia@Kerja, rujuk Seksyen C (4) untuk maklumat lanjut) untuk tujuan:

- i) Membantu sektor swasta **mencipta peluang pekerjaan baru**, terutamanya dalam R&D untuk pembangunan sektor-sektor berdaya saing di mana Malaysia mempunyai kelebihan jika dibandingkan dengan negara jiran.
- ii) Sektor yang boleh diberi perhatian termasuklah tenaga boleh diperbaharui/ekonomi lestari, E&E, kesihatan, kejuruteraan lanjutan dalam sektor strategik dan dalam pembangunan produk hiliran lestari dalam industri berasaskan komoditi.
- iii) **Merangsang peningkatan kadar pertumbuhan** gaji pekerja Malaysia di sektor swasta.

d) Peruntukan minum RM5 billion untuk Isi Rumah

- i) **Gandakan bantuan kebajikan bulanan** untuk menjamin kelangsungan hidup isi rumah yang terkesan selama setahun. Cadangan ini turut mengambil kira kesukaran yang dihadapi oleh keluarga-keluarga M40 (termasuklah golongan kelas pertengahan yang tidak termasuk dalam takrifan M40) dan mengesyorkan agar jumlah bantuan yang diumumkan melalui Pakej Perlindungan Rakyat Dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH) ditingkatkan seperti butiran berikut:

Isi Rumah	Bantuan PEMULIH	Cadangan
Miskin tegar	RM1,300	RM2,500
B40	RM800	RM1,900
M40	RM250	RM1,100

Kerajaan perlu mengamalkan prinsip pengagihan saksama kepada ketua isi rumah wanita. Ketua isi rumah wanita di Malaysia dilaporkan mempunyai pendapatan 40% kurang berbanding purata isi rumah di Malaysia. (Nota: Sehingga Mac 2021, pendapatan median isi rumah adalah sebanyak RM 2,117, manakala pendapatan median ketua isi rumah wanita hanyalah RM1,300 - Families On The Edge Part 4 (Rajah 1.5)). Kekurangan akses kepada pendidikan menyebabkan kebanyakan ketua isi rumah wanita disisihkan. Usaha harus digiatkan untuk membantu golongan ini.

- ii) **Jumlah bantuan tunai perlu mengambil kira bilangan kanak-kanak di bawah tanggungan.** Kami mencadangkan agar kerajaan memberi bantuan bulanan berjumlah RM100 untuk setiap anak yang tergolong dalam kumpulan isi rumah B40 dan M40. Hanya kanak-kanak yang berusia sehingga 12 tahun layak untuk menerima bantuan ini. Cadangan ini akan meringankan beban ibu bapa baru yang turut terkesan dengan pandemik terutamanya dengan penutupan pusat asuhan dan sekolah. Cadangan ini akan menjadikan program bantuan tunai adalah responsif dan bersesuaian dengan saiz keluarga

3. Menyokong pemulihan golongan rentan

Pakatan Harapan sentiasa menekankan keperluan menyalurkan bantuan yang mencukupi kepada golongan yang terjejas teruk dengan pandemik. Seiring dengan pembukaan semula ekonomi, kita perlu menyokong proses pemulihan ekonom golongan rentan dan memastikan mereka tidak diabaikan.

- a) **Pengecualian Faedah Pinjaman** – Melaksanakan pengecualian faedah pinjaman kepada golongan isi rumah B50 dengan pendapatan kasar isi rumah kurang daripada RM5,880 sebulan, seperti yang dinyatakan dalam Artikel 1.7 Memorandum Persefahaman Transformasi dan Kestabilan Politik.
- b) **Pemulihan PKS dan PKS Mikro** - Peruntukan berjumlah RM2 billion untuk pinjaman perniagaan dengan kadar faedah rendah (nilai maksimum RM50 ribu setiap peminjam) untuk peniaga mikro, kecil dan sederhana di bawah Bank Simpanan Nasional (BSN) dengan proses permohonan yang mudah dan fleksibel. Sebahagian peruntukan mestilah dikhususkan untuk sektor yang teruk terkesan dengan pandemik seperti sektor makanan dan minuman, peruncitan, pelancongan dan perniagaan komuniti.

Peruntukan turut perlu diagihkan secara saksama kepada usahawan wanita dan tiga kumpulan etnik utama di Malaysia. Sebagai contoh, pinjaman SME dan skim usahawan Bumiputera (i.e. TEKUN Nasional), etnik Cina (i.e. Skim Pinjaman Khas Penduduk Kampung Baru) dan etnik India (Skim Pembangunan Usahawan Masyarakat India).

Selain itu, kami juga mencadangkan peruntukan berjumlah RM100 juta dalam bentuk Geran Padanan Pembukaan Semula Perniagaan PKS dan Mikro PKS sehingga RM20,000 untuk setiap penerima sebagai insentif untuk membantu mereka memulakan kembali perniagaan yang terpaksa ditutup sepanjang tempoh pandemik.

- c) Pelancongan** – Menjalinkan kerjasama dengan syarikat-syarikat insurans untuk meneroka pelaksanaan program insurans pelancongan yang dijamin kerajaan untuk menggalakkan dan meningkatkan keyakinan pelancong-pelancong domestik.
- d) Sukan** – Menukarkan “Skim Pembiayaan Industri Sukan” kepada pembiayaan mudah tanpa faedah dengan moratorium automatik selama 6 bulan. Peruntukan dana juga perlu ditingkatkan kepada RM100 juta dan dilengkapi langkah-langkah berikut:
- i) Subsidi sewa bulanan sebanyak 50% sehingga maksimum RM5,000 untuk premis-premis sukan yang tidak dibenarkan beroperasi. Manakala premis yang beroperasi di bangunan milik kerajaan perlu diberikan pengecualian sewa.
 - ii) Geran Digitalisasi berjumlah RM10,000 setiap penerima untuk membantu penggiat industri sukan beralih ke teknologi digital seiring norma baru.
 - iii) Bantuan Geran Khas Prihatin Untuk Industri Sukan secara one-off sebanyak RM2,000 untuk mengurangkan beban kerugian yang ditanggung sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan Pelan Pemulihan Negara (PPN).
 - iv) Bantuan bulanan berjumlah RM1,000 selama 6 bulan untuk pekerja bekerja sendiri di dalam industri sukan (jurulatih, tenaga pengajar, ahli terapi) yang terkesan dengan PKP dan PPN.
 - v) Elaun peningkatan kemahiran dan latihan semula sebanyak RM1,000 untuk penggiat industri sukan yang sedang mengikuti kursus persijilan sukan dan kejurulatihan yang diiktiraf oleh Kementerian Belia dan Sukan.
 - vi) Menaiktaraf kompleks sukan terpilih untuk menjadikan Malaysia sebagai destinasi Latihan sukan aras tinggi. Melengkapkan fasiliti sukan yang berpotensi dengan kemudahan S3T3R (Sports Tuning, treatment, therapy, recovery, rehabilitation, rejuvenation, rehabilitation) untuk menawarkan latihan inklusif dan berkualiti tinggi kepada atlet.
- e) Pemerkasaan Orang Asli and Orang Asal** – Mengembangkan Program Pembangunan Ekonomi Orang Asli dengan menumpukan kepada penyediaan perkhidmatan asas dan pembangunan modal insan untuk memastikan kumpulan rentan dalam komuniti Orang Asli dan Asal dari Semenanjung Malaysia dan Malaysia Barat tidak tercicir.

4. Mencipta peluang pekerjaan yang lebih baik

Penciptaan peluang pekerjaan merupakan komponen utama dalam proses pemulihan dan pertumbuhan ekonomi mampan. Kerajaan berperanan untuk menggalakkan penciptaan peluang pekerjaan dalam sektor swasta yang boleh dicapai melalui bantuan terus dan tawaran insentif untuk syarikat melabur dalam sektor masa hadapan.

a) Menggalakkan penciptaan peluang pekerjaan melalui inisiatif Malaysia@Work

Ekonomi negara memerlukan pemangkin jangka panjang untuk menggalakkan penciptaan peluang pekerjaan. Untuk memenuhi keperluan tersebut, kami mencadangkan kerajaan untuk melaksanakan inisiatif Malaysia@Work dengan peruntukan sebanyak RM6 bilion seperti yang dibentangkan dalam Belanjawan 2020. Inisiatif ini merupakan skim pengambilan pekerja jangka masa panjang dan insentif upah yang dirangka untuk menjimatkan kos pengambilan pekerja di samping menggalakkan individu-individu berkeupayaan untuk kembali bekerja.

Walaupun Program PenjanaKerjaya dilihat memainkan peranan serupa, program tersebut dibentuk sebagai inisiatif pengekalan pekerjaan di waktu pandemik dan bukannya usaha mencipta lebih banyak peluang pekerjaan. Program tersebut merupakan polisi jangka masa pendek dengan tempoh pelaksanaan PenjanaKerjaya 3.0 hanya sekadar 12 bulan. Langkah reaktif jangka masa pendek tersebut tidak lagi relevan dengan keadaan pandemik yang semakin mereda. Malahan, program berjangka masa pendek seperti itu membawa risiko pekerja akan diberhentikan sebaik sahaj tempoh program PenjanaKerjaya tersebut berakhir. Ini menunjukkan bahawa PenjanaKerjaya tidak mampu untuk memberi rangsangan jangka masa panjang yang diperlukan untuk memastikan pertumbuhan ekonomi mampan selepas krisis.

Sebaliknya, Malaysia@Work merupakan inisiatif berbilang tahun yang menyasarkan untuk merangsang penciptaan pekerjaan melangkaui tempoh pandemik. Program ini akan dilaksanakan selama 5 tahun, dengan had maksimum 2 tahun sahaja bagi setiap permohonan yang layak. Tempoh 2 tahun tersebut memberikan ruang masa yang mencukupi untuk setiap peserta menimba pengalaman kerja yang diperlukan, membuatkan majikan sanggup mengekalkan mereka sebagai pekerja walaupun tanpa apa-apa bantuan lagi daripada kerajaan.

Secara ringkasnya, program Malaysia@Work boleh digariskan seperti berikut:

i) Graduates@Work

- Menawarkan insentif upah berjumlah RM500 sebulan kepada pekerja warga tempatan dan insentif pengambilan pekerja berjumlah RM300 sebulan kepada majikan melalui program Malaysia@Work yang dianggarkan akan mencipta 50,000-300,000 peluang pekerjaan untuk anak tempatan.
- Program ini akan dilaksanakan selama 5 tahun, dengan had maksimum 2 tahun sahaja bagi setiap permohonan yang layak..
- Kerajaan akan menentukan sector ekonomi yang layak untuk program ini.

ii) Locals@Work

- Insentif untuk majikan dan pekerja untuk mewujudkan peluang pekerjaan dengan menggantikan pekerja asing kepada pekerja tempatan.

iii) **Women@Work**

- Program insentif untuk pekerja wanita yang berhenti bekerja melebihi setahun dan berusia antara 30 hingga 55 tahun untuk kembali bekerja.

- Pengecualian cukai untuk tempoh 12 bulan kepada wanita yang kembali bekerja.

iv) **Latihan dan Pembangunan Kemahiran**

- Skim Penempatan Pelatih – Memastikan latihan yang disediakan oleh majikan yang berdaftar diperakui kerajaan untuk meningkatkan kebolehpasaran pelatih. Skim ini perlulah menerima peruntukan yang cukup dan diselaraskan dengan program-program latihan belia yang lain seperti MySkills Foundation.

b) Menjana pertumbuhan sektor baharu

Ekonomi abad ke-21 perlu bersedia untuk menghadapi 3 perubahan penting dalam ekonomi pada masa hadapan, iaitu: pengurusan alam sekitar di tengah-tengah perubahan iklim, kepesatan proses digitalisasi dan peningkatan umur populasi masyarakat.

- i) **Pertanian** – Pandemik yang berlaku memberi kesedaran bahawa kita perlu berusaha menjadi negara berdikari untuk mendepani cabaran sekuriti bekalan makanan dan mengekalkan daya tahan rantai bekalan. Untuk perbandingan, hasil pertanian Malaysian jauh ketinggalan berbanding negara pengeluar serantau seperti Thailand, Vietnam dan Indonesia.

Hal ini menunjukkan kepentingan untuk membangunkan sektor pertanian moden dan produktif negara, serta mengagihkan sumber yang mencukupi untuk mengguna pakai teknologi pertanian moden dalam penanaman makanan ruji seperti beras, sayur-sayuran, ternakan, perikanan dan lain-lain. Kerjasama strategik dan penyelarasan antara kerajaan persekutuan dan negeri diperlukan untuk memastikan penggunaan tanah pertanian secara produktif sekali gus membuka akses pasaran yang lebih kepada pengusaha dalam sektor pertanian.

1. Meningkatkan kemudahan pembiayaan pertanian makanan (seperti pinjaman mudah berkadar faedah rendah) di samping menyediakan pelaburan tambahan untuk alat perkakasan tanaman moden. Meningkatkan had RM5 juta untuk setiap pinjaman kepada RM10 juta setiap pinjaman.
2. Menyediakan subsidi untuk proses automasi dan penjenteraan ladang, menyediakan insentif untuk mempelbagaikan tanaman yang menyumbang kepada pengeluaran makanan.
3. Menyediakan geran khas untuk belia yang berminat untuk mengendalikan dan melaksanakan projek di dalam bidang agrikultur, perhutanan, pertanian dan perikanan.

4. Insentif tanaman moden secara vertikal untuk meningkatkan sekuriti makanan di kawasan bandar. Memperkenalkan geran dan/atau dana pemula untuk petani moden, usahawan, komuniti dan perbadanan untuk melibatkan diri di dalam pertanian moden. Pinjaman juga perlu meliputi subsidi program latihan kepada bakal petani moden yang berpotensi.
 5. Menyediakan pengecualian cukai ke atas hasil sewa yang dikutip pemilik pusat membeli belah dan pemilik bangunan daripada pengusaha pertanian vertikal.
- ii) **Mewujudkan pembangunan hijau dan peluang pekerjaan** - Kerajaan perlu mengekalkan atau menambah sasaran tenaga boleh diperbaharui yang digariskan oleh Pakatan Harapan iaitu sebanyak 20% di dalam komposisi tenaga elektrik menjelang 2025. Ini tidak termasuk sumber hidroelektrik melebihi 100 MW (33 peratus jika termasuk hidro besar).

1. **Meningkatkan kuota program NOVA di bawah Net Energy Marketing Scheme.** Menggandakan peruntukan kepada 600MW (peruntukan semasa adalah 300 MW), dengan nilai potensi projek berjumlah RM3 bilion menjelang akhir tahun 2022.

Malaysia berpotensi menjana tenaga suria atas bumbung dengan keluasan 3.2 juta hartanah kediaman, 450,000 lot komersial, 90,000 buah kilang teres, 21,000 buah kilang sendiri, dan 1,000 buah kompleks membeli belah. Projek ini akan dapat menjana peluang pekerjaan sehingga tiga kali ganda berbanding pemasangan solar berskala besar.

2. **Meningkatkan Skim Pembiayaan Teknologi Hijau (GTFS) 3.0.** GTFS merupakan instrumen pembiayaan penting untuk merangsang projek kelolaan kerajaan dan swasta.

GTFS dapat dipertingkatkan dengan memanfaatkan jentera sedia ada. Kerajaan dicadangkan untuk meningkatkan peruntukan GTFS dalam Belanjawan 2022 dengan pinjaman berjumlah RM10 bilion untuk tempoh dua tahun (2022-2023). Antara yang dicadangkan adalah subsidi faedah lestari dengan jaminan kerajaan berjumlah RM200 juta secara tahunan untuk merangsang sektor berkenaan. Kerajaan juga boleh memperuntukkan jumlah tertentu (seperti GFTS 3.0) yang membolehkan pinjaman diberikan tanpa memberikan sebarang subsidi kepada faedah pinjaman.

Kerajaan harus memastikan proses tender terbuka dilakukan seawal suku tahun kedua tahun 2022 agar projek dapat dimulakan menjelang suku tahun keempat 2022 sekali gus memastikan skim ini dapat memberi manfaat kepada ekonomi dan mencipta peluang pekerjaan.

3. **Mendorong projek hijau** seperti projek penyewaan suria dan inisiatif sisa-kepada-tenaga. **Kerajaan boleh memperuntukkan 1,000 bangunan kerajaan dan premis perniagaan yang bersesuaian untuk menjalankan projek pemasangan tenaga cekap dan tenaga boleh diperbaharui** sebagai sebahagian perbelanjaan infrastruktur berskala besar.

Projek tersebut boleh dilaksanakan tanpa sebarang kos permulaan dengan kerjasama bersama syarikat perkhidmatan tenaga elektrik melalui kontrak prestasi tenaga. Syarikat terpilih akan membiayai dan menjalankan kerja-kerja pemasangan dan menikmati keuntungan melalui perkongsian penjimatan bil elektrik sepanjang tempoh kontrak bersama kerajaan. Setiap 1,000 projek mempunyai nilai potensi pelaburan bernilai RM4 bilion. Kerajaan bukan sahaja dapat menikmati penjimatan bil elektrik sekali gus mengurangkan jejak karbon dan merangsang kegiatan ekonomi serta meningkatkan peluang pekerjaan hijau.

- iii) **Ekonomi prihatin:** Peningkatan permintaan terhadap perkhidmatan pusat asuhan kanak-kanak dan jagaan orang tua merupakan penyumbang utama pengambilan pekerja dalam sektor perkhidmatan di masa hadapan. Peningkatan akses kepada penjagaan berkualiti akan memberi peluang kepada penjaga tidak berbayar untuk memperolehi pendapatan atau kembali bekerja sekali gus meningkatkan jaminan kewangan.

Perkara ini memerlukan usaha antara sektor dan peningkatan kualiti di pusat asuhan dan perkhidmatan yang berkaitan. Penambahbaikan yang dicadangkan termasuklah:

1. **Sokongan ekosistem pusat asuhan** dengan meluaskan liputan program subsidi upah kepada pengendali pusat jagaan pada tahun 2021 untuk menjamin kelangsungan pusat asuhan dan menyokong ekosistem pendidikan awal kanak-kanak:
 - a. **Meluaskan liputan program subsidi upah** kepada pengendali pusat jagaan pada tahun 2021 untuk menjamin kelangsungan pusat jagaan dan menyokong ekosistem pendidikan awal kanak-kanak.
 - b. **Peruntukan subsidi pusat jagaan yang lebih tinggi** - Persatuan Pengasuh menyatakan yuran purata untuk pusat jagaan di Lembah Klang adalah sekitar RM700. Justeru, kami mengusulkan peruntukan subsidi (sekurang-kurangnya sebanyak RM500 sebulan) untuk isi rumah kumpulan B40, M40 dan mereka yang kehilangan kerja.
2. Menyediakan semula peruntukan berjumlah RM30 juta yang diperkenalkan oleh Pakatan Harapan untuk membina pusat asuhan untuk petugas barisan hadapan di agensi kerajaan terutamanya hospital dan balai polis. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) gagal mewujudkan pusat asuhan di agensi kerajaan. Sasaran gagal dicapai walaupun KPWKM memperolehi peruntukan berjumlah RM30 juta setahun pada tahun 2020 dan 2021 untuk tujuan berkenaan. Kami menyarankan Kementerian Kewangan untuk menyediakan semula peruntukan berjumlah RM30 juta dan mengkaji semula cara pelaksanaan terbaik untuk memastikan objektif ini tercapai berbanding menyerahkan tanggungjawab kepada KPWKM semata-mata.

3. **Peningkatan kemahiran guru** – Insentif subsidi kewangan atau geran perlu diperkenalkan kepada individu yang berhasrat untuk menjadi tenaga pengajar pendidikan awal kanak-kanak dan guru tadika selari dengan syarat ketetapan yang memerlukan guru tadika dan tadika memiliki sijil diploma.
 4. **Menubuhkan geran permulaan (RM10 juta)** untuk mempromosi perniagaan yang menyediakan khidmat perkhidmatan asuhan di rumah dan komuniti sebagai alternatif kepada institusi pusat asuhan sedia ada.
- iv) **Ekonomi digital** – Adalah penting untuk kerajaan mengendalikan dan meningkatkan inisiatif digitalisasi dan Industry4WRD yang diperkenalkan kerajaan Pakatan Harapan:
1. Menyediakan geran padanan sebanyak RM500 juta untuk mengalakkan proses pendigitalan perniagaan
 2. Mewujudkan pusat pendigitalan setempat (One-Stop Digitalisation Center) untuk membimbing peniaga kecil dan sederhana dalam urusan permohonan insentif pendigitalan.
 3. Peruntukan berjumlah RM250 juta untuk meningkatkan akses kepada Internet berkelajuan tinggi menerusi pembangunan menara dan perkhidmatan satelit di Sabah dan Sarawak untuk mengecilkan jurang digital antara kawasan pedalaman dan bandar.
 4. Menubuhkan dana inovasi kepada pemaju dan pencipta kandungan tempatan untuk menghasilkan perisian berasaskan teknologi rangkaian 5G.

5. Mempertingkatkan jaringan keselamatan sosial

- a) **Meningkatkan perlindungan sosial**, terutamanya kepada pekerja dalam sektor gig dan tidak formal.

Sehingga 2021, lebih separuh dari tenaga buruh iaitu sebanyak 16.1 juta pekerja tidak dilindungi di bawah Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan tidak mempunyai jaminan persaraan. Pada masa ini, tiada peruntukan undang-undang berkenaan perlindungan sosial yang meliputi pekerja dalam sektor tidak formal dan pekerja Kontrak untuk Perkhidmatan dengan jumlah keseluruhan menghampiri 7.9 juta pekerja.

Kerajaan perlu berusaha untuk menghapuskan kekangan pentadbiran dengan menggalakkan serta memberi insentif kepada lebih banyak tenaga kerja (sama ada formal atau tidak formal) untuk berlindung di bawah jaringan perlindungan sosial.

- i) **Memperluaskan liputan caruman i-Suri kepada semua suri rumah** - program semasa hanya meliputi 290,000 penerima yang berdaftar di e-Kasih. Menyedari sumbangan suri rumah sebagai pekerja tidak berbayar, kami mencadangkan pelanjutan dan memperluaskan program kepada semua suri rumah yang

dianggarkan seramai 3 juta orang. Program berasingan boleh diwujudkan untuk membolehkan pasangan turut menyumbang sebahagian pendapatan bulanan (e.g. 5%) kepada pasangan yang tidak bekerja.

- ii) **Memperluaskan dan melanjutkan caruman i-Saraan** – kami mencadangkan agar kerajaan meningkatkan caruman padanan sehingga 25% mengikut kelayakan caruman tahunan individu, dengan had. Kami menyarankan agar program ini dilanjutkan untuk tempoh dua tahun.
- iii) **Caruman wajib KWSP untuk pekerja tidak formal dan “kontrak untuk perkhidmatan”** - mengambill kira perubahan tren pekerjaan dan meningkatkan perlindungan untuk semua pekerja, kami mencadangkan peluasan tuntutan caruman wajib KWSP kepada pekerja tidak formal dan pekerja di bawah “kontrak untuk perkhidmatan”.
- iv) **Pendaftaran automatik KWSP dan PERKESO untuk individu berusia 18 tahun ke atas** - hanya 60% warganegara berdaftar dengan KWSP setiap tahun. Insentif ini dapat memastikan tenaga kerja baru dilindungi oleh pelan perlindungan negara.

- b) **Elaun tambahan bagi keluarga yang mempunyai anak istimewa** - Elaun kanak-kanak istimewa sering difokuskan untuk kenak-kanak tersebut sahaja. Kami berpendapat bahawa bantuan kepada penjaga tidak boleh diabaikan begitu sahaja. Antara pelbagai contoh situasi adalah apabila pusat asuhan tidak menerima kemasukan kanak-kanak istimewa, atau apabila individu istimewa berusia 25 tahun terlantar di katil, atau apabila pendapatan isi rumah terjejas kerana penjaga perlu berhenti bekerja untuk menjaga kanak-kanak tersebut.

Di samping menyediakan elaun untuk kanak-kanak istimewa, kami turut mencadangkan agar kerajaan mewujudkan elaun atau upah khusus untuk membantu penjaga yang berhadapan dengan situasi tersebut.

6. Mengukuhkan perkhidmatan sosial

- a) **Kesihatan** – Sebagai tambahan kepada Seksyen (ii) (a) Untuk memastikan akses kepada perkhidmatan kesihatan berkualiti, kami mencadangkan:
 - i) **Meluaskan liputan mySalam** - Perlindungan MySalam perlu merangkumi penyakit berkaitan wanita seperti rawatan IVF (setakat ini ia hanya dilindungi oleh KWSP).

Meluaskan liputan MySalam untuk penyakit kronik dan kemasukan ke hospital kepada penjagaan dan penilaian kesihatan mental termasuklah sesi kaunseling untuk kelompok B40 dan M40 terutamanya untuk kanak-kanak.

Peruntukan untuk perkhidmatan psikiatri dan kesihatan mental perlu memberi manfaat kepada khidmat sokongan psikososial seperti Talian Kasih dan organisasi bukan kerajaan seperti Befrienders. Peruntukan khusus perlu

disediakan untuk melatih kaunselor dan ahli psikologi untuk mangsa keganasan rumah tangga dan keganasan berasaskan gender yang mengalami trauma

- ii) **Akses kepada Perkhidmatan Kesihatan Mental** – Setakat tahun 2020, Malaysia hanya mempunyai 25 klinik komuniti di seluruh negara, yang dikenali sebagai MENTARI. Kami mencadangkan agar jumlah klinik tersebut ditambah.

Kerajaan juga perlu memperuntukkan dana berjumlah RM45 juta untuk melatih petugas kesihatan tambahan di pusat psikiatri sebagai sasaran untuk menempatkan sekurang-kurangnya seorang ahli psikologi klinikal dan seorang jururawat kesihatan mental untuk kesemua 45 buah hospital awam yang menawarkan khidmat psikiatri. Malaysia hanya mempunyai 15 buah klinik psikiatri yang menawarkan perkhidmatan tersebut¹.

- b) **Pendidikan** - Mempersiapkan negara dalam menghadapi kebarangkalian proses pembelajaran secara hibrid antara pembelajaran secara digital dan pembelajaran secara fizikal. Disamping memastikan institusi persekolahan dapat dibuka secara selamat, peruntukan juga harus diberikan untuk meningkatkan capaian Internet untuk institusi persekolahan dan pembelajaran secara maya

- i) Menyediakan akses kepada peralatan pembelajaran secara maya kepada kanak-kanak B40 melalui subsidi dan geran.
- ii) Peruntukan belanjawan untuk menilai kemahiran 3M apabila pelajar kembali ke sekolah. Perhatian harus diberikan kepada pelajar B40 yang berkemungkinan tertinggal pelajaran kerana ketidakupayaan mengikuti sesi PdPR. Memberi imbuhan kepada guru untuk sesi bimbingan tambahan selepas waktu pembelajaran atau memberi kebenaran mengulang semula tahun persekolahan dan sukatan pembelajaran yang tertinggal.

- iii) **Geran Khas RM1.035 billion untuk institusi persekolahan**

Perintah kawalan yang berpanjangan turut memberi kesan kepada institusi persekolahan seperti keperluan kelengkapan sekolah dan tenaga kerja. Kami mencadangkan kerajaan memperuntukkan geran khas berjumlah RM1.035 billion untuk kos operasi dan modal sekolah bagi tahun 2022 di samping menambah baik kapasiti sekolah kalis pandemik. Kami mencadangkan pecahan peruntukan seperti berikut::

- Sekolah Kebangsaan: RM600 juta
- Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC): RM50 juta
- Sekolah Jenis Kebangsaan Tajuta (SJKT): RM50 juta
- Sekolah Berasrama Penuh: RM50 juta
- Maktab Rendah Sains MARA: RM50 juta
- Sekolah Agama Bantuan Kerajaan: RM50 juta
- Sekolah Mubaligh: RM50 juta

¹Galen Centre Report on Health, https://galencentre.org/wp-content/uploads/2019/05/PH-First-Year-Health_Galen-Centre.pdf

- Sekolah Tahfiz: RM50 juta
- Sekolah Agama Rakyat & Sekolah Agama Persendirian: RM25 juta
- Sekolah Pondok yang berdaftar: RM25 juta
- Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan: RM20 juta
- Sekolah Menengah Persendirian Cina (SMPC): RM15 juta

c) Bantuan Guaman - Peruntukan untuk Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan (YBGK) - Memastikan dana bantuan guaman mencukupi untuk membiayai pihak yang tidak mampu membayar khidmat guaman. Pada tahun 2020, dana berjumlah RM9.1 juta diperuntukkan untuk tujuan ini, namun hanya RM5 juta diperuntukkan pada tahun 2021. Justeru, kami mencadangkan dana peruntukan berjumlah RM10 juta untuk tahun 2022.

7. Memastikan taraf hidup dan mobiliti yang baik

a) Perumahan

Kebanyakan warganegara tinggal di kawasan perumahan tanpa penyelenggaraan yang berpatutan. Ini telah mengakibatkan pelbagai kes tragis, di mana sebahagiannya turut melibatkan kematian. Untuk mendepani isu ini, taraf kehidupan di Kawasan perumahan awam perlu dipertingkatkan. Untuk berbuat demikian, kami mencadangkan:

- i) Peruntukan berjumlah RM200 juta untuk membaik pulih dan menaiktaraf lif penumpang di kawasan perumahan berkepadatan tinggi.
- ii) Peruntukan berjumlah RM50 juta untuk meningkatkan perkhidmatan sanitasi.
- iii) Peruntukan berjumlah RM50 juta untuk mengecat semula bangunan perumahan awam bertingkat yang tidak dicat semenjak 5 tahun lalu.
- iv) Peruntukan RM20 juta untuk mengalakkan penubuhan Badan Pengurusan Bersama di kediaman di semua kompleks-kompleks kediaman.

b) Pengangkutan

- i) Kerajaan perlu memastikan projek MRT 3 dilaksanakan tanpa peningkatan kos yang sering berlaku dalam projek berskala besar. Pakatan Harapan mencadangkan kerajaan untuk menguruskan projek MRT 3 melalui:
 1. Tender terbuka dan tidak berasaskan model PDP yang lapuk
 2. Memecahkan tender kepada beberapa pakej untuk meningkatkan persaingan antara kontraktor, dan
 3. Membuka peluang kepada pemaju-pemaju hartanah untuk bekerjasama dan menanggung sebahagian kos untuk memastikan laluan dan stesen MRT menyumbang kepada peningkatan nilai hartanah mereka.
- ii) **Meluaskan jaringan bus elektrik** – Walaupun di dalam situasi pandemik, sebahagian segmen masyarakat masih bergantung dengan pengangkutan awam. Sebagai langkah keselamatan, kerajaan perlu meningkatkan kekerapan bas dengan pengurangan kapasti.

PH mencadangkan agar kerajaan membelanjakan RM450 juta untuk membeli 500 buah bas elektrik sebagai pengangkutan penghubung antara MRT dan LRT.

c) Kelestarian – Mengalakkan inisiatif di peringkat komuniti untuk memelihara alam sekitar

Kerajaan perlu menggalakkan komuniti tempatan, sektor swasta dan masyarakat sivil untuk memainkan peranan dalam memelihara alam sekitar. Kerajaan dicadangkan untuk:

- i) Memeruntukkan geran berjumlah RM20 juta untuk pertubuhan bukan kerajaan yang berusaha keras untuk memelihara flora dan fauna di Malaysia.
- ii) Memeruntukkan geran padanan berjumlah RM50 juta untuk kerja-kerja penghutan semula oleh sektor swasta.
- iii) Memeruntukkan geran padanan berjumlah RM30 juta untuk membiayai kelengkapan, pengambilan pekerja, dan latihan untuk masyarakat tempatan termasuklah pesara askar sebagai renjer hutan untuk melindungi hidupan liar dan hutan. Program ini akan berperanan untuk melindungi alam sekitar, menyediakan insentif tambahan kepada komuniti tempatan dan sumber pendapatan tambahan kepada mereka yang memerlukan. Mereka akan bekerja bersama Perhilitan.

d) Pembangunan luar bandar

Masyarakat luar bandar adalah komuniti marginal dalam kalangan masyarakat kita. Pembangunan yang tidak seimbang menjadi penyumbang jurang antara komuniti bandar dan pedalaman. Kemudahan akses kepada perkhidmatan sosial yang berkualiti dan peluang ekonomi yang luas akan menjadi batu loncatan untuk meningkatkan mobiliti sosial mereka.

Untuk mewujudkan satu masyarakat yang adil, Malaysia perlu membantu komuniti marginal dengan memperluaskan peluang ekonomi mereka. Kami mencadangkan kerajaan untuk:

- i) Melaksanakan program perumahan mampu milik khusus untuk Orang Asli dan generasi kedua dan ketiga keluarga FELDA yang membuka peluang penempatan semula di luar persekitaran sedia ada dan berdekatan dengan pekan dan bandar. Langkah ini akan memberi akses kepada pendidikan, pekerjaan, kesihatan dan perkhidmatan sosial lain yang lebih baik.
- ii) Menetapkan biasiswa pelajaran bernilai RM10 juta untuk anak-anak Orang Asli dan keluarga FELDA untuk melanjutkan pelajaran di sekolah bandar, sekolah perumahan, kolej dan universiti. Menghantar mereka ke sekolah tersebut dapat meluaskan jaringan sosial dan mendedahkan mereka kepada peluang yang lebih besar. Biasiswa ini juga akan membiayai yuran penginapan, keperluan makan minum, perbelanjaan harian dan yuran pelajaran.

8. Melindungi wanita dan kanak-kanak

Cabaran yang dilalui wanita dan kanak-kanak di Malaysia sepanjang tempoh pandemik COVID-19 dapat digambarkan melalui pelbagai statistik seperti peningkatan jumlah pengangguran di kalangan ibu tunggal. Selain bergelut untuk kelangsungan hidup, mereka turut berdepan cabaran seputar isu pemberdayaan ekonomi, akses kepada perkhidmatan

kesihatan, pendidikan dan pembangunan kapasiti, keganasan domestik dan berasaskan gender, diskriminasi di tempat kerja dan lain-lain.

Walaupun Seksyen A dan B di atas mengandungi beberapa cadangan khas untuk wanita dan kanak-kanak, bantuan berbentuk ekonomi sahaja tidak mencukupi untuk melindungi dan memberdaya wanita. Justeru, kami mencadangkan dana yang lebih besar untuk mendepani isu-isu spesifik yang dilalui oleh golongan ini dalam lingkungan berikut:

a) Peruntukan khusus untuk Unit D11, rumah perlindungan dan Pusat Krisis Sehenti (OSCC) untuk memerangi jenayah terhadap wanita

Keutamaan pertama adalah untuk mewujudkan peruntukan belanjawan khusus untuk Unit D11 bagi meningkatkan mutu perkhidmatan mereka dengan menambah jumlah anggota dan keperluan lain dalam usaha memerangi peningkatan jenayah terhadap wanita dan kanak-kanak.

Kedua, kami menyeru penubuhan mekanisme khusus untuk pemerhatian dan penyeliaan mangsa keganasan rumah tangga yang memerlukan bantuan, sokongan dan perlindungan. Kami mencadangkan peruntukan berjumlah RM50 juta untuk membina lebih banyak OSCC yang turut menjadi medan bantuan utama untuk mangsa.

Selari dengan itu, kami juga mencadangkan peruntukan sebanyak RM50 juta untuk menaiktaraf pusat perlindungan sedia ada dan membina sebuah pusat baru khusus untuk mangsa keganasan berasaskan gender. Pusat perlindungan yang didanai kerajaan adalah penting untuk memastikan mangsa keganasan tidak perlu pulang semula ke rumah.

Peruntukan untuk latihan pegawai pusat jagaan adalah juga penting untuk memastikan pusat-pusat jagaan ini memenuhi tujuan penubuhannya. Kerjasama rentas agensi lain juga penting untuk tujuan ini.

b) Melindungi kanak-kanak & pelaksanaan pelan kerja untuk mendepani isu perkahwinan kanak-kanak.

Pada awal tahun 2020, kerajaan PH telah melancarkan Pelan Strategik 5 Tahun untuk menghentikan perkahwinan kanak-kanak yang turut melibatkan 61 agensi di pelbagai peringkat. Pelan tersebut menggariskan 7 objektif, 17 strategi dan 58 program dan tindakan berhubung isu tersebut. Dana belanjawan diperlukan untuk memastikan pelaksanaan pelan tersebut dapat dijayakan. Sehingga kini, pelaksanaan dan penyelarasan pelan berada di tahap yang lemah dengan ketiadaan jawatankuasa khas untuk memantau status pelaksanaan pelan berkenaan. Tambahan pula, peruntukan semasa berjumlah RM500,000 dari KPWKM untuk melantik Pesuruhjaya Kanak-Kanak juga ternyata tidak mencukupi.

- c) Dana tambahan untuk **menubuhkan tribunal gangguan seksual di seluruh negara** seperti yang dirangka dalam Rang Undang-Undang Gangguan Seksual pada tahun 2020.
- d) Merangka pelan strategi komprehensif untuk **mengurangkan kadar kematian maternal** (di Sabah dan Sarawak), sebagai sebahagian daripada pelan jangka masa panjang untuk menambah baik kesihatan reproduktif dan seksual wanita dan kanak-kanak.

9. Langkah-langkah khusus untuk Sabah dan Sarawak

Pembangunan ekonomi di Malaysia lebih banyak tertumpu di Pantai Barat Semenanjung Malaysia. Hal ini mengakibatkan sebahagian besar masyarakat masih lagi ketinggalan dalam taraf hidup dan akses kepada perkhidmatan asasi. Situasi ini boleh memecah-belahkan negara sekiranya tidak di atasi. Untuk memastikan negara hidup harmoni, kami mencadangkan:

- a) **Pelaburan untuk fasiliti kesihatan di kawasan luar bandar.** Kerajaan perlu meningkatkan kapasiti perkhidmatan kesihatan di kedua-dua negeri dengan meningkatkan kemudahan, menambah bilangan katil, meningkatkan pengangkutan dan menambah bilangan tenaga kerja dan tenaga pakar di klinik desa.
- b) **Meningkatkan nilai Geran Khas Untuk Sabah dan Sarawak di bawah Seksyen 112D Pelembagaan Persekutuan.**
 - i) Walaupun PH telah menggandakan jumlah peruntukan untuk Geran Khas ini dalam Belanjawan 2020 (dengan pelan tambahan untuk menggandakan jumlah tersebut sekali lagi dalam tempoh 5 tahun), kerajaan PN telah mengubah semula nilai tersebut kepada nilai asal.
 - ii) Kami mengesyorkan untuk menambahkan nilai Geran Khas tersebut sebanyak empat kali ganda kepada RM106.8 juta untuk negeri Sabah dan RM64 juta untuk negeri Sarawak seperti yang dirancang oleh kerajaan PH dahulu
- c) **Menyediakan insentif bernilai RM100 juta untuk mempromosi sektor pembuatan intensif pekerja di Sabah and Sarawak.** Terdapat jurang pembangunan ketara antara Semenanjung Malaysia dengan Sabah dan Sarawak. Walaupun sesetengah industri tidak berdaya saing di Semenanjung Malaysia, namun kepelbagaian faktor seperti gaji dan kos operasi menjadikan mereka berdaya saing di Sabah dan Sarawak, terutamanya Sabah yang mempunyai tenaga buruh yang ramai. Galakan untuk beroperasi di Sabah dan Sarawak harus diberikan kepada kilang pembuatan intensif pekerja dengan menyediakan insentif cukai dan geran pembiayaan. Lebuhraya Pan-Borneo yang dijangka akan siap tidak lama lagi juga mampu menyediakan infrastruktur yang diperlukan sebagai industry pembuatan berskala besar di Sabah dan Sarawak.

- d) **Menyalurkan dana berjumlah RM30 juta untuk menggalakkan aktiviti eksport hasil makanan dan produk dari Sabah dan Sarawak ke Semenanjung Malaysia.** Semenanjung Malaysia adalah tempat yang tepat untuk memasarkan hasil Sabah dan Sarawak. Melalui suntikan dana tersebut, kerajaan boleh memperkenalkan insentif kepada golongan petani tempatan untuk memenuhi permintaan pasaran Semenanjung Malaysia sekali gus mengurangkan belanja import makanan Malaysia.
- e) **Memperuntukkan RM1 bilion untuk membantu pembangunan grid elektrik di seluruh Sabah** untuk mengurangkan kebergantungan kepada sumber tenaga berkos tinggi seperti diesel dan menggunakan bekalan tenaga kos rendah dari empangan hidroelektrik di Sarawak. Grid elektrik yang stabil dan menyeluruh akan mampu menampung usaha industrialisasi berskala besar di negeri tersebut.
- f) **Peruntukan pembangunan untuk Sabah & Sarawak perlu merangkumi 30% daripada jumlah keseluruhan peruntukan pembangunan.**

10. Reindustrialisation – menggalakkan pelaburan bernilai tinggi

Malaysia mengalami *deindustrialization* pra-matang seawal tahun 2000-an, sejurus China menganggotai Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) pada tahun 2001. Kemunculan China dengan pasaran domestik gergasi, seiring dengan pembukaan ekonomi-ekonomi baru telah menjadi pesaing kepada Malaysia dalam menarik pelabur-pelabur sektor pengilangan dan pembuatan di rantau ini. Proses *deindustrialization* ini boleh dilihat melalui kemerosotan peratusan ekonomi pembuatan dan pengilangan dalam KDNK negara yang menurun daripada 31% pada akhir tahun 1990-an kepada 23% pada akhir tahun 2010-an. Dalam masa yang sama, industri pembuatan berteknologi tinggi turut menguncup secara drastic dan digantikan dengan perkhidmatan dan industri pembuatan bernilai rendah.

Sebagai usaha untuk menghentikan kejatuhan sektor pembuatan ini, kami mencadangkan agar kerajaan menggalakkan syarikat tempatan untuk menembusi pasaran antarabangsa tetapi masih berpangkalan di Malaysia, dan menarik syarikat-syarikat multinasional untuk menempatkan pusat serantau mereka di Malaysia. Langkah ini dapat memperkenalkan syarikat tempatan kepada pasaran antarabangsa disamping mempelbagaikan pangkalan industri pembuatan dan kemahiran tenaga kerja tempatan:

- a) **Membantu mempromosi syarikat tempatan di pasaran serantau dan global –** Mendukung jaguh tempatan dengan peruntukan berjumlah RM1 bilion selama 5 tahun dalam bentuk geran dan promosi untuk menjadi jaguh perniagaan di pasaran serantau dan global.
- b) **Memperkasa Jawatankuasa Pelaburan Kebangsaan untuk memperkemas proses kelulusan pelaburan –** Menyediakan insentif bernilai RM1 bilion untuk menarik syarikat multinasional untuk berpangkalan atau memindahkan ibu pejabat serantau atau ibu pejabat global mereka ke Malaysia.

11. Reformasi Fiskal

- a) Menukar sistem perakaunan berasaskan tunai kepada sistem perakaunan akrual** – Pelbagai skandal kewangan kerajaan yang lalu menekankan keperluan untuk menyemai prinsip kebertanggungjawaban dan integriti dalam urusan kerajaan. Penyimpanan rekod yang lemah membuka ruang untuk manipulasi dan mencipta peluang untuk ketirisan berlaku. Oleh yang demikian, kami mencadangkan agar kerajaan menukar piawaian perakaunan kepada perakaunan akrual berbanding perakaunan berasaskan tunai yang digunakan sekarang. Pemindahan ini akan memodenkan sistem penyimpanan rekod kerajaan dengan menaiktaraf piawaian dari Manual Statistik Kewangan Kerajaan IMF Tahun 1986 kepada Manual Statistik Kewangan Kerajaan Tahun 2014.
- b) Menambah nilai pemberian ikut kepala** – Demografi Malaysia telah melalui beberapa perubahan besar sejak puluhan tahun yang lalu. Pertambahan bilangan kelahiran dan penghijrahan pendatang asing turut menambah beban kepada infrastruktur dan perkhidmatan awam terutamanya ke atas kerajaan negeri dan tempatan. Kami menyarankan kerajaan untuk meningkatkan purata pemberian ikut kepala kepada RM20.00 seorang (daripada kadar purata sebanyak RM13.61 seorang) untuk negeri di bawah paras purata tersebut untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan dan mengalakkan pengagihan kuasa dan tanggungjawab.

Di bawah Jadual Ke-10 Perlembagaan Persekutuan, kadar semasa untuk pemberian ikut kepala adalah seperti berikut:

- Bagi setiap 100,000 orang pertama mengikut kadar RM72.00 seorang;
- Bagi 500,000 orang yang berikutnya mengikut kadar RM10.20 seorang;
- Bagi 500,000 orang yang berikutnya mengikut kadar RM10.80 seorang;
- Bagi yang selebihnya mengikut kadar RM11.40 seorang.

Hal ini menyebabkan negeri berpenduduk tinggi secara puratanya menerima jumlah pemberian ikut kepala per kapita yang lebih rendah disebabkan struktur kadar yang bertingkat. Dengan merujuk kepada anggaran saiz populasi yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), kami menganggarkan jumlah pemberian ikut kepala untuk setiap negeri adalah seperti berikut:

Negeri	Anggaran Populasi 2021 (DOSM)	Jumlah Pemberian Ikut Kepala 2021 (Anggaran)	Pemberian Ikut Kepala Per Kapita 2021 (Anggaran)
Johor	3,794,000	RM48.41 juta	RM12.76
Kedah	2,194,100	RM30.17 juta	RM13.75
Kelantan	1,928,800	RM27.15 juta	RM14.08

Melaka	937,500	RM15.95 juta	RM17.01
Negeri Sembilan	1,129,100	RM18.03 juta	RM15.97
Pahang	1,684,600	RM24.36 juta	RM14.46
Perak	2,508,900	RM33.76 juta	RM13.46
Perlis	255,400	RM8.79 juta	RM34.40
Pulau Pinang	1,774,400	RM25.39 juta	RM14.31
Sabah	3,833,000	RM48.86 juta	RM12.75
Sarawak	2,822,200	RM37.33 juta	RM13.23
Selangor	6,555,400	RM79.89 juta	RM12.19
Terengganu	1,275,100	RM19.70 juta	RM15.45

Meningkatkan purata pemberian ikut kepala per kapita kepada RM20.00 untuk setiap negeri di paras bawah tersebut dapat memastikan pengagihan dan layanan saksama di seluruh negara. Ini akan menghasilkan peruntukan tambahan dengan anggaran sebanyak RM200 juta.

State	Jumlah Pemberian Ikut Kepala 2021 (Anggaran)	Jumlah Pemberian Ikut Kepala 2020 (Anggaran)	Pemberian Ikut Kepala Per Kapita 2022 (Anggaran)
Johor	RM48.41 juta	RM75.88 juta	RM20.00
Kedah	RM30.17 juta	RM43.88 juta	RM20.00
Kelantan	RM27.15 juta	RM38.58 juta	RM20.00
Melaka	RM15.95 juta	RM18.75 juta	RM20.00

Negeri Sembilan	RM18.03 juta	RM22.58 juta	RM20.00
Pahang	RM24.36 juta	RM33.69 juta	RM20.00
Perak	RM33.76 juta	RM50.18 juta	RM20.00
Perlis	RM8.79 juta	RM8.79 juta	RM34.40
Pulau Pinang	RM25.39 juta	RM35.49 juta	RM20.00
Sabah	RM48.86 juta	RM76.66 juta	RM20.00
Sarawak	RM37.33 juta	RM56.44 juta	RM20.00
Selangor	RM79.89 juta	RM131.11 juta	RM20.00
Terengganu	RM19.70 juta	RM25.50 juta	RM20.00
Total	RM417.79 juta	RM617.53 juta	-

12. Geran-geran khas

a) Masyarakat inklusif untuk semua

Malaysia memerlukan jaringan kerjasama daripada semua pihak untuk pulih semula dari malapetaka yang disebabkan oleh pandemik. Walaubagaimanapun, sekiranya polisi-polisi bercorak penyingkiran yang diamalkan sejak dua tahun lalu tidak diubah, ia akan meletakkan negara kita tidak berdaya saing dan jauh terkebelakang dalam merebut bakat dan tenaga kerja berkualiti tinggi.

Kita perlu mengambil pendekatan terbuka dan produktif dalam menguruskan individu bukan warganegara yang menetap di Malaysia dengan membenarkan mereka menjadi individu produktif dalam masyarakat di sini. Ini adalah langkah yang lebih baik berbanding memaksa mereka bersembunyi atau pulang ke negara asal. Kami menyarankan kerajaan untuk:

- i) **Menyemak semula garis panduan MM2H untuk mengekang kehilangan tenaga kerja berbakat.** Perubahan polisi baru menyukarkan warganegara asing untuk menetap di Malaysia. Penyalahgunaan polisi boleh dikekang dengan pelbagai cara lain dan bukan dengan menguatkuasakan sekatan secara

semerono yang menyulitkan keadaan mereka yang berhijrah ke sini dengan cara yang betul.

- ii) **Melanjutkan visa pasangan dan membenarkan individu pelarian untuk bekerja dalam sektor perkhidmatan domestik** – Meningkatkan tempoh sah visa pasangan warganegara asing (pas lawatan jangka panjang) dari setahun kepada sekurang-kurangnya 3 hingga 5 tahun untuk membantu ekonomi dan jaminan pekerjaan di kalangan isi rumah dwinegara.
- iii) **Membenarkan individu pelarian untuk bekerja dalam sektor perkhidmatan domestik** (seperti khidmat pembersihan dan pembantu rumah). Tawaran tenaga kerja pembantu rumah membolehkan wanita tempatan untuk kembali bekerja dengan mengurangkan bebanan kerja-kerja domestik, terutamanya dalam keadaan di mana tugas domestik tidak dibahagikan secara sama rata antara dua jantina. Penutupan pintu sempadan akibat pandemik yang masih lagi berterusan menyebabkan kekurangan penawaran pembantu rumah dan menyebabkan wanita tanpa bantuan terpaksa berhenti bekerja.

D. MEMPERKUKUHKAN PROSES PERANGKAAAN DAN PELAPORAN BELANJAWAN

Kenyataan Pra-Belanjawan (PBS) untuk Belanjawan 2022 yang diumumkan pada 31 Ogos 2021 oleh Kementerian Kewangan adalah usaha yang harus dipuji dan satu langkah positif ke arah meningkatkan ketelusan dan meluaskan libat urus antara pembangkang, masyarakat sivil dan masyarakat awam.

Pakatan Harapan turut memuji penerbitan empat Kertas Konsultasi Awam (PCP) sebagai dokumen sokongan yang membolehkan pemegang taruh untuk memberikan maklum balas dan input untuk Belanjawan 2022.²

Untuk memperkukuhkan lagi proses belanjawan dan laporan, PH ingin menegaskan komitmen kami dalam beberapa perkara seperti berikut:

Kebertanggungjawapan dan ketelusan belanjawan

Penambahbaikan proses dan dokumen-dokumen Belanjawan Malaysia

Berdasarkan “*Open Budget Index*”, International Budget Partnership menyenaraikan tiga cadangan penambahbaikan kualiti dokumen belanjawan³. Antaranya adalah:

- Menerbitkan dokumen-dokumen baru untuk belanjawan (i.e. Citizen’s Budget, Mid-Year Review).
- Meningkatkan nilai komprehensif Kertas Cadangan Eksekutif Belanjawan.
- Meningkatkan nilai komprehensif Laporan Akhir Tahun.

Selain komitmen di atas, berikut merupakan beberapa cadangan penambahbaikan untuk pelaksanaan kerajaan dalam jangka masa pendek dalam meningkatkan kualiti dokumen belanjawan serta pengurusan kewangan:

- Menyenaraikan maklumat berkenaan pelaksanaan belanjawan yang telah dibentangkan.
- Perbezaan antara belanjawan dengan hasil dan perbelanjaan sebenar.
- Sebarang perubahan dalam penunjuk aras makroekonomi yang memberi kesan kepada belanjawan dan ramalan kepada apa-apa perubahan yang akan memberi kesan kepada belanjawan pada suku tahun berikutnya.
- Perincian untuk perbelanjaan luar kebiasaan (contoh: Dana Covid-19).

² Kertas Konsultasi Awam, Kementerian Kewangan, <https://www.mof.gov.my/ms/konsultasi-awam>

³ Open Budget Survey 2019: Malaysia, International Budget Partnership, <https://www.internationalbudget.org/open-budget-survey/country-results/2019/malaysia>

- Memastikan mekanisme dan pengurusan pangkalan data yang tersusun untuk pelaksanaan yang lebih baik.

Membina pelan pemulihan responsif gender

Memperkuhkan mekanisme institusi melalui belanjawan bersifat responsif terhadap gender.

- Mengemukakan belanjawan responsif gender untuk mengenal pasti impak pandemik terhadap gender untuk membolehkan intervensi bersasar dan berimpak melalui pengurusan dan pangkalan data yang tersusun.
- Sistem pengurusan pangkalan data yang tidak tersusun menghalang usaha kita untuk mengukur jurang antara wanita dan lelaki dalam pelbagai dimensi sosial dan ekonomi. Maklumat tersebut adalah penting untuk proses analisis secara terperinci pasca belanjawan dari kaca mata gender dan sama ada program yang dilaksanakan untuk membantu wanita dan kanak-kanak dalam pelbagai kapasiti telah berjaya atau memerlukan sebarang penambahbaikan.
 - Kita memerlukan dana segera untuk membangunkan sistem pengurusan pangkalan data perlindungan sosial yang tersusun dan bersepadu untuk mengumpul dan menyatukan data mengikut jantina daripada agensi-agensi di peringkat persekutuan, negeri, daerah yang menjalankan lebih dari 60 program. Ini bukan sahaja akan membantu pengurusan data, malah turut mengekang penyalahgunaan sistem dan memastikan bantuan diberikan hanya kepada golongan yang memerlukan.
 - Kekurangan sistem pengumpulan data dan rekod yang tidak sistematik antara agensi utama yang menguruskan isu berkenaan wanita dan kanak-kanak perlu diperbaiki untuk memastikan bantuan dan intervensi dapat diberikan secara segera dan tepat kepada mangsa.
 - Sebagai contoh, kes pengabaian bayi yang diuruskan oleh PDRM tidak mempunyai tenaga kerja, sumber dan sistem pelaporan yang mencukupi yang boleh menjejak identiti dan keberadaan ibu bayi. Tanpa rekod yang tepat, bayi yang diletakkan di rumah jagaan JKM tidak dapat memperolehi bantuan dan intervensi yang diperlukan..
 - Antara senario lain termasuklah kes rogol atau seksual melibatkan kanak-kanak. Sekali lagi, PDRM seharusnya memperincikan maklumat penting (sebagai contoh – mengapakah kanak-kanak tersebut ditinggalkan di rumah, adakah mereka di bawah jagaan ibu tunggal, adakah senario tersebut terjadi kerana kekurangan fasiliti pusat jagaan dan sebagainya) supaya bantuan yang mencukupi dapat disalurkan.

Rumusannya, dana tambahan perlu disalurkan kepada agensi berkaitan untuk membolehkan perubahan cara merekod dan memperolehi data dilakukan.

- Menginstitusikan belanjawan responsif gender dalam Pelan Malaysia Ke-12 (RMK12) dan polisi fiskal serta pelan pelaksanaan.

Indeks Kemiskinan Multidimensi (MPI)

Memperkuhkan perlindungan sosial dan membantu keluarga yang memerlukan

- **Garis kemiskinan kebangsaan perlu dikaji semula** untuk memperolehi paras pendapatan had kemiskinan baru yang lebih realistik dengan mengambil kira impak pandemik COVID-19.
- **Mengkaji semula kategori penerima isi rumah** untuk menjamin pengagihan saksama yang bersesuaian dengan realiti kehidupan keluarga mengikut MPI.

Laporan Kelestarian, Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG)

Mengguna pakai rangka kerja laporan yang diiktiraf dunia

- Tetapkan konsep dan susunkan sumbangan kepada laporan ESG berdasarkan piawaian Global Reporting Initiative (GRI). Tentukan rangka struktur strategik matlamat pembangunan mapan, dan pengesahan berdasarkan protokol GHG atau piawaian AA100.
- Menyediakan **audit bebas** ke atas data dan metrik yang diterbitkan di dalam laporan ESG dan pengesahan pematuhan metodologi atau peringkat metodologi yang digunakan.